

# MINYAK DI BRUNEI

*Dayang Hajah Siti Aisah binti Pungut*

## Pendahuluan

Pada 12 Julai 1928, satu upacara perletakan tanda lokasi bagi telaga minyak yang pertama telah diadakan di Seria. Upacara tersebut dilaksanakan oleh Puan P.A.B. McKerron, isteri Residen British di Brunei. Tanda lokasi bagi telaga minyak yang pertama itu dikenali sebagai S-1 yang terletak di pesisir pantai Seria setelah digerudi dengan menggunakan kaedah alat-kabel. Minyak mula mengalir dari telaga S-1 pada 5 April 1929 dan merupakan detik penting dalam sejarah ekonomi Brunei. S-1 telah mengeluarkan sebanyak 5,320 tong minyak sepanjang tempohnya beroperasi sehingga tahun 1930.

## Sejarah Awal Penemuan Minyak Di Brunei

Minyak mula diterokai di Brunei Darussalam pada awal KM XX dengan penggerudian telaga minyak yang pertama pada tahun 1899 di kawasan Ayer Berkuchi berdekatan Bandar Seri Begawan. Menurut catatan, kedalaman telaga tersebut mencapai 259 meter namun tiada minyak ditemui. Bermula dari itu, beberapa buah telaga minyak



Dipetik dari buku *Menjangkau Enampuluh Tahun - Sixty Years On 1929-1989*.

telah digali di sekitar kawasan Jerudong. Pada tahun 1908, sebuah telaga telah digerudi sedalam 183 meter di Jerudong tetapi terpaksa ditutup dan ditinggalkan apabila peralatan yang digunakan mengalami kerosakan. Usaha mencarigali minyak tetap diteruskan dengan penggerudian telaga minyak yang kedua pada tahun 1910 sedalam 305 meter. Sehingga tahun 1913, sebanyak lima buah telaga telah digerudi di kawasan Jerudong namun masih belum berhasil menemukan minyak.

Pada ketika itu banyak syarikat pencarigali minyak datang ke Brunei khususnya dari Singapura, Belanda dan negara-negara Eropah. British Borneo Petroleum Syndicate juga membuat penerokaan ke atas minyak di Brunei sejak tahun 1911 serta mendapat hak kepada 438 kilometer persegi di kawasan Belait. Mereka telah menggerudi beberapa buah telaga minyak di Bukit Puan dan Labi dari tahun 1912 hingga 1917.

Pada tahun 1915, British Borneo Petroleum Syndicate telah membuat satu perjanjian dengan Nederlandsche Koloniale Petroleum Maatschappij untuk mengusahakan carigali minyak di Rampayoh, Belait. Tiga tahun selepas itu, British Borneo Petroleum Syndicate menyerahkan konsesi yang diperolehnya kepada syarikat carigali yang lain pula, iaitu D'Arcy Exploration Syndicate namun minyak masih juga gagal ditemui.



Dipetik dari buku *The Discovery and Development of the Seria Oilfield*.

Kepentingan minyak yang semakin meningkat pada KM XX terutama sekali bagi keperluan Angkatan Laut British telah menampakkan usaha yang bersungguh-sungguh oleh syarikat-syarikat Eropah untuk mendapatkan sumber tenaga berkenaan namun usaha tersebut masih lagi gagal menunjukkan hasil. Lanjutan dari kegagalan itu, banyak syarikat-syarikat carigali mula mengundurkan diri dari Brunei.


Walaupun telah banyak melalui kegagalan, namun masih ada beberapa buah syarikat

carigali yang masih bertahan. Pada tahun 1913, sebuah Syarikat Kumpulan Shell, Anglo-Saxon Petroleum Company Limited telah memperolehi hak izin untuk membuat pemeriksaan kaji bumi di lebih dari 273 kaki persegi di daerah Tutong. Sebuah lagi Syarikat Kumpulan Shell, iaitu Asiatic Petroleum Company (Federated Malay States) Limited, juga telah mendapat hak izin pada tahun 1922 dan memindahkan hak tersebut kepada British Malayan Petroleum Company Limited pada tahun 1924.

### Padang Berawa

Sebelum Seria membangun menjadi ‘Bandar Minyak’, ia dikenali sebagai Padang Berawa atau Wild Pigeon’s Field. Padang Berawa pada masa itu hanyalah sebuah kawasan yang ditumbuhi hutan paya dengan tanah lumpur yang likat. Sungai-sungai yang terdapat di kawasan itu pula dipenuhi oleh buaya-buaya yang ganas. Menurut catatan juruukur-juruukur yang awal mengatakan bahawa akar-akar kayu bakau yang terdapat di Padang Berawa lebih tinggi dari manusia dan terpaksa ditebas untuk melaluinya. Lumpur merah dan kayu-kayu reput menyukarkan lagi perjalanan, di samping sentiasa bersedia pada segala bahaya-bahaya yang tidak diduga. Perjalanan pada masa itu terlalu sukar dan hanya berharap pada pasang surut air dan jalan rintis yang dilalui di sepanjang pesisir pantai. Kesukaran mencari air bersih untuk mandi dan memasak menyukarkan lagi kerja-kerja penyelidikan.

Pada tahun 1926, Syarikat Kumpulan Shell telah melakukan pengukuran ke atas kawasan Sungai Seria dan Sungai Bera dan mendapati kawasan tersebut berpotensi untuk mengeluarkan minyak. Setelah melakukan kajian selama enam bulan di kawasan tersebut maka barulah proses penggerudian Telaga S1 beroperasi tidak jauh dari muara Sungai Seria pada 12 Julai 1928. Selama kira-kira sembilan bulan operasi penggerudian dijalankan maka pada 5 April 1929 barulah minyak ditemui pada kedalaman 297 meter.



Dipetik dari buku *Kesebilion Tong Padang Minyak Seria*.

Hasil dari penemuan ini telah menggalakkan Syarikat British Malayan Petroleum Company Limited (BMP Co. Ltd.) mengorak langkah untuk mengorek lebih banyak telaga-telaga minyak di sekitar kawasan itu dan sekaligus merubah Padang Berawa kepada Padang Minyak Seria yang kaya dengan pengeluaran hasil minyaknya.

Selepas zaman pendudukan Jepun sehingga tahun 1957, Syarikat Minyak Brunei Shell Berhad telah mengambil alih Syarikat British Malayan Petroleum dan meneruskan usaha-usaha cari gali minyak dan gas di sekitar daerah Tutong dan Belait sehingga sekarang.

### Kesimpulan

Penemuan minyak di Seria sekitar lewat tahun 1920-an merupakan detik penting di dalam perkembangan sosioekonomi Negara Brunei Darussalam dan secara tidak langsung turut membawa arus pemodenan kepada Brunei. Selepas detik itu, Brunei semakin makmur dengan penemuan hasil bumi yang tidak kurang pentingnya iaitu gas. Sesungguhnya penemuan minyak dan gas di bumi Brunei bukan sahaja memantapkan lagi ekonomi, politik dan sosial Brunei malah turut membawa perubahan kepada penggubalan Perlembagaan 1959 yang menandakan berakhirnya Sistem Residen di Brunei sekali gus membawa kepada kemerdekaan.



Dipetik dari buku *Kesebilion Tong Padang Minyak Seria*.

### Bibliografi

- Awang Suhaili bin Haji Hassan, 'Padang Berawa – (Penemuan Telaga I dan Asal Nama Seria)' *Berita Muzium*, Jilid 7, Bil. 2, Julai – Disember 1985, h. 61-62.
- Harper, C.G., *The Discovery and Development of the Seria Oilfield*, Muzium Brunei, 1975.
- Jatswan S. Sidhu, *Sejarah Sosioekonomi Brunei 1906 – 1959*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1995.
- Kesebillon Tong Padang Minyak Seria = The Billionth Barrel Seria Oilfield*, Hal Ehwal Awam, Syarikat-Syarikat Brunei Shell, Bandar Seri Begawan, 1989.
- Menjangkau Enampuluh Tahun = Sixty Years On 1929 – 1989*, Hal Ehwal Awam, Syarikat-Syarikat Brunei Shell, Bandar Seri Begawan, 1989.
- Mohd. Deli bin Abd. Kadir, 'Chatetan2 Sejarah Permulaan Menchari Minyak di Brunei', *Berita Muzium*, Jilid 3, Bil. 1, Januari-Mac 1981, h. 44-45.
- Sabihah Osman, Muhamad Hadi Abdullah, Sabullah Hj Hakip, *Sejarah Brunei Menjelang Kemerdekaan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1995.